



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar

Sinar Harian - Kerajaan Siasat Punca Penutupan Beberapa Syarikat Pasca GST

Sinar Harian - Kerajaan Siasat Punca Penutupan Beberapa Syarikat Pasca GST

🕒 Selasa, Nov 14 2017



Kementerian siasat punca penutupan beberapa syarikat pasca GST

KEMENTERIAN Kewangan sedang menyiasat punca beberapa syarikat yang menutup perniagaan mereka pasca perlaksanaan sistem Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

Menteri Kewangan Kedua Datuk Johari Abdul Ghani berkata, siasatan yang dijalankan oleh kementerian adalah untuk mengenal pasti sama ada penutupan syarikat tersebut berkait dengan pelaksanaan GST.

Ketika menggulung Rang Undang-undang Perbekalan 2018 peringkat dasar bagi

kementeriannya semalam, beliau berkata terdapat beberapa laporan yang diterima oleh kementerian menyatakan bahawa syarikat ini ditutup kerana ingin mengelakkan rekod penyelewengan cukai mereka semasa SST dikesan oleh sistem GST.

"Sebahagian besar syarikat yang beroperasi sejak 18 hingga 20 tahun yang lalu, membayar 10 peratus SST pada jumlah tertentu. (Namun) bila kita laksanakan GST, mereka membayar cukai tiga kali ganda lebih banyak dari SST," katanya.

Jumlah bayaran cukai yang lebih tinggi itu berpunca daripada ketelusan GST yang

menyebabkan syarikat tidak boleh menyembunyikan jumlah perniagaan mereka seperti dilakukan di bawah sistem SST.

"Jadi, apa yang (sesetengah) mereka buat, mereka telah tutup syarikat-syarikat lama itu kerana takut 'track record' mereka semasa era SST dahulu akan dikesan melalui GST, pindahkan segala aset kepada syarikat baharu yang mereka buka dan mulakan sistem GST di bawah syarikat ini.

"Ini dilakukan supaya kerajaan tidak dapat mengesan 'track record' mereka di bawah syarikat-syarikat lama," katanya - *Bernama*



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian <

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro <

e-Penyertaan & Maklumbalas <

Statistik & Prestasi <

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami



Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) |
[Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

